

Headline	Mangsa banjir bakal tunai umrah percuma		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	6	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	287 cm ²
Journalist	Nurul Zaila Mohd Tahir	AdValue	RM 3,648
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,944



Mangsa banjir bakal tunai umrah percuma

NURUL ZAILA MOHD TAHIR

KUANTAN – Seramai 50 penduduk di negeri ini yang terjejas akibat banjir akan dihantar mengerjakan umrah secara percuma oleh Lembaga Tabung Haji dan Sultan Ahmad Shah Environment Trust (Saset).

Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah mengumumkan perkara itu selepas baginda menyempurnakan majlis penyerahan bantuan mangsa banjir peringkat negeri dan penghargaan kepada sukarelawan di Masjid Al-Mutaqqim, Tanah Putih dekat sini, semalam.

Baginda bertitah, sumbangan itu sebahagian daripada usaha meringankan beban rakyat yang kerugian besar dan kehilangan harta benda akibat banjir yang melanda Pahang, baru-baru ini.

“Saya juga memohon agar pihak yang yang terpilih untuk pergi mengerjakan umrah nanti dapat mendapatkan kesejahteraan buat negeri ini dan seluruh rakyat serta dilakkan dari dilanda musibah banjir sekali lagi,” titah baginda.

Turut berangkat, Sultanah Pahang, Sultanah Hajah Kalsom dan Tengku Arif Temenggong Pahang, Tengku Fahd Sultan Ahmad Shah. Menteri Besar, Datuk Seri Adnan

Yaakob dan Pengerusi Tabung Haji, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim turut hadir.

Sultan Ahmad Shah juga bertitah agar rakyat bersabar dalam menempuh dugaan dari ALLAH SWT dan menunggu bantuan dari Kerajaan Pusat serta negeri yang akan diaghikhan secara berperingkat-peringkat.

Pada majlis itu, seramai 1,000 mangsa banjir menerima bantuan ihsan sebanyak RM250 dari kerajaan negeri dan RM100 sumbangan Saset.

Mereka turut menerima peralatan seperti tilam, bantal dan dapur sumbangan Kelab Putera 1Malaysia.

Sementara itu, Abdul Azeez berkata, Sultan Ahmad Shah bertitah agar Tabung Haji beri peluang kepada 30 mangsa banjir di Pahang untuk menunaikan umrah, manakala 20 lagi akan dibiayai tuanku sendiri.

“Tuanku syorkan Tabung Haji beri peluang kepada 30 rakyat yang akan dipilih menunaikan umrah bagi mendoakan kita dijauhi segala bala musibah sebegini.

“Tuanku juga bertitah akan turut beri peluang kepada 20 lagi rakyat untuk menunaikan ibadah yang sama sebagai tambahan,” katanya.

Headline	Mangsa banjir bakal tunai umrah percuma		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	6	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	287 cm ²
Journalist	Nurul Zaila Mohd Tahir	AdValue	RM 3,648
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,944



Sultan Ahmad Shah diliringi Sultanah Kalsom dan Tengku Fadhl Mua'adzam (kanan) mencemar duli beramah mesra dengan mangsa banjir, semalam.